

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 25/08/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 7

Tajuk : MOU ANGKASA, Petekma Sistem E-Hailing Baharu

MoU Angkasa, Petekma sistem e-hailing baharu

PUTRAJAYA 24 Ogos - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bersama Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (Petekma) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi mengurus perkhidmatan aplikasi e-hailing baharu, cALLme khusus untuk kegunaan pemandu teksi.

MoU tersebut yang ditandatangani oleh Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah bersama Setiausaha Agung Petekma, Anuar Buang itu disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook. Hadir sama, Presiden Petekma, Mohd. Syahir Abd. Aziz.

Menurut Anthony, pihaknya sangat mengalu-alukan penggunaan sistem e-hailing tersebut untuk kegunaan pemandu teksi sebagai salah satu usaha menambah baik industri teksi negara.

"Penggunaan sistem ini seiring dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan industri teksi su-



ANTHONY LOKE SIEW FOOK menyaksikan majlis memeterai MoU antara Angkasa yang diwakili Abdul Fattah Abdullah (kiri) dan Petekma oleh Anuar Buang (kanan) bagi mengurus aplikasi cALLme di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

paya berubah dengan menggunakan aplikasi dan teknologi baharu dalam operasi mereka," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Anthony berkata, untuk masa hadapan sistem teksi bermeter mungkin akan dapat dihapuskan

sekiranya semua pemandu teksi beralih kepada sistem e-hailing.

Bagaimanapun, katanya, setiap pemandu teksi perlu diberi latihan menggunakan telefon pintar dan teknologi terkini bagi menjayakan usaha tersebut.

Dalam pada itu, Anthony berkata, pihaknya juga bersedia untuk memberi kelonggaran kepada pemandu teksi untuk memilih warna teksi bagi memberi wajah baharu terhadap industri tersebut.